



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 23 MEI 2023**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|----------------------|--|---------------------------------------|
| 1. 2. 3. 4. | HASIL JUALAN 100 KAMBING DIRAMPAS JADI MILIK KERAJAAN, LOKAK, HM-5 PENIAGA DIMINTA JUJUR, JANGAN TIPU GRED TELUR OMEGA, NEGARA, KOSMO -16 PENGELUARAN AYAM, ITIK DAN TELUR STABIL, NEGERI PERAK, SH -24 DIDENDA SEBAB PINDAH 100 KAMBING, NEGARA, KOSMO -17 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 5. 6. 7. 8. | MARITIM MALAYSIA TAHAN TIGA NOT, 41 NELAYAN WARGA VIETNAM, NEGERI KELANTAN. TERENGGANU, SH -26 41 NELAYAN VIETNAM DITAHAN, TIGA BOT DIRAMPAS, DLM NEGERI, UM -34 PADAM NOMBOR BOT, CURI IKAN DI MALAYSIA, NEGARA, KOSMO -17 FEEL THE THRILL, CATCH THE REWARD, SUPPLEMENT, THE STAR -8 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 9. | AGROBANK PERKENAL PROGRAM TAKAFUL KEPADA PETANI, NASIONAL, SH -20 | AGROBANK |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 23/5/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 5 |

Hasil jualan 100 kambing dirampas jadi milik kerajaan



WAN Mohamad Aizat mengaku bersalah terhadap pertuduhan memindahkan 100 kambing bernilai RM35,070.

Kuala Terengganu: Seorang pemandu lori didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah memindahkan 100 kambing bernilai RM35,070.

Keputusan itu dibuat Majistret Norina Maludin selepas tertuduh, Wan Mohamad Aizat Wan Ismail, 23, mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan.

Selain itu, tertuduh turut berdepan hukuman tambahan penjara lima bulan sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.

Mahkamah turut memerintahkan 100 kambing itu dilucutkan hak dan wang hasil jualan ternakan menjadi milik kerajaan.

Mengikut pertuduhan terbabit, tertuduh didakwa memindahkan 100 kambing hidup menggunakan lori tanpa kebenaran bertulis

yang sah daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu atau mana-mana pihak berkuasa veterinar yang diberi kuasa olehnya.

Kesalahan itu dilakukan di tepi jalan, Jalan Kemajuan, Bandar Baru di sini, jam 8.50 malam pada 27 September tahun lalu.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Perenggan i (b) Perintah Menteri Besar bagi Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut dan Hawar Berdarah bagi Negeri Terengganu yang mana diwartakan di bawah Subseksyen 36 (1) Akta Bina-tang 1953.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu, Mohd Shahihan Mohd Tahar dan Fazlizan Ishak Khan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|--------------|------------|
| 23/5/2023 | KOSMO | DALAM NEGARA | 16 |

Peniaga diminta jujur, jangan tipu gred telur omega

JOHOR BAHRU – Peniaga yang menjual produk telur disaran untuk berniaga dengan jujur berhubung penjualan telur ayam mengikut gred sebenar dan tidak mengambil kesempatan mengambil keuntungan dengan mengelirukan pengguna.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Johor, Lee Ting Han berkata, hal itu kerana gred telur dan juga telur omega sukar dibezakan secara pandangan mata kasar.

Bagaimanapun, katanya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor masih belum menerima sebarang aduan berhubung penjualan telur ayam segar mengikut harga gred lain

atau harga telur omega, setakat ini.

“Sukar membezakan telur ayam segar dan telur ayam omega kerana mempunyai warna dan gred yang hampir sama. Telur ayam omega juga mempunyai gred A, B dan C tetapi harganya lebih mahal berbanding telur ayam segar yang harganya dikawal kerajaan.

“Telur ini hanya dapat dibezakan menerusi warna kuning telur yang lebih pekat. Dari segi luaran ia hampir sama. Selain pek 10 biji dan 15 biji, telur omega juga mempunyai pek 30 biji seapan.

“Oleh itu, kita menggesa peniaga telur di negeri ini untuk berniaga secara jujur dan tidak mengambil sebarang kesempatan,” jelasnya.



TELUR omega dan telur ayam standard sukar dibezakan dengan mata kasar. – GAMBAR HIASAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|--------------|------------|
| 23/5/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI PERAK | 24 |

Pengeluaran ayam, itik dan telur stabil

Tahap pengeluaran komoditi tersebut melebihi kadar sara diri negeri

Oleh SAIFULLAH AHMAD IPOH

Pengeluaran daging ayam, itik dan telur ayam di negeri Perak stabil, malah tahap pengeluaran bagi komoditi tersebut juga melebihi kadar sara diri negeri bagi tempoh lima tahun berturut-turut.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, bagi tahun 2022, pengeluaran daging ayam serta itik di negeri itu berjumlah 372,825 tan metrik.

Menurutnya, pengeluaran telur pula berjumlah 2.083 bilion biji dan jumlah itu dapat menampung keperluan rakyat di negeri perak.

“Bagi menjamin pengeluaran komoditi daging dan telur, Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjalankan aktiviti kawalan penyakit ternakan melalui Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan bagi memastikan rebakan wabak penyakit sentiasa ter-



FOTO: URUS SETIA DEWAN NEGERI PERAK

Mohd Zolkafly (kanan) menjawab soalan tambahan dalam sesi soalan lisan semasa Sidang DUN Perak pada Isnin.

SIDANG DUN PERAK

kawal.

“Selain itu, penguatkuasaan undang-undang

juga dijalankan secara berterusan bagi memastikan industri penternakan mematuhi peraturan yang ditetapkan,” katanya ketika menjawab soalan tambahan **M Thulsi Thivan (PH-Buntong)** semasa Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada Isnin.

Tambah Mohd Zolkafly, bagi meningkatkan keterjaminan sekuriti makanan, kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Perak memberi tumpuan kepada memperkasakan

amalan pertanian baik dan penanaman secara moden.

Jelas beliau, Jabatan Pertanian juga telah mengaplikasikan tiga teknologi pertanian moden di peringkat lapangan iaitu penggunaan teknologi *Internet of Things* (IoT), struktur pelindung hujan (SPH) dan inovasi *veggie factory* atau kilang sayur.

Menurutnya, dengan teknologi yang diperkenalkan itu, kerajaan negeri berharap ia dapat membantu meningkatkan hasil produktiviti tanaman di dalam kawasan terhad, khususnya tanaman sayuran dengan hasil yang berkualiti tinggi dan bebas bahan racun makhluk perosak.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------|------------|
| 23/5/2023 | KOSMO | NEGARA | 17 |

Didenda sebab pindah 100 kambing

KUALA TERENGGANU – Tindakan seorang pemandu lori memindahkan 100 ekor kambing bernilai RM35,070 tanpa kebenaran, lapan bulan lalu membawa padah apabila lelaki itu didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam.

Majistret Norina Maludin menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Wan Mohamad Aizat Wan Ismail, 23, membuat pengakuan bersalah sebaik pertuduhan dibacakan.

Beliau turut mengarahkan tertuduh menjalani hukuman penjara lima bulan sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.

Berdasarkan pertuduhan, Wan Mohamad Aizat didakwa memindahkan 100 ekor kambing hidup dengan sebuah lori tanpa kebenaran sah daripada

Pengarah Perkhidmatan Veterinar Terengganu.

Perbuatan itu didakwa dilakukan lelaki terbabit di tepi jalan berhampiran Jalan Kemajuan, Kuala Terengganu pada pukul 8.50 malam, 27 September 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Perenggan i(b) Perintah Menteri Besar bagi Kawalan Penyakit Kuku Dan Mulut Dan Hawar Berdarah bagi Negeri Terengganu Subseksyen 36 (1) Akta Binatang 1953.

Jika sabit kesalahan, dia boleh dikenakan denda maksimum RM15,000.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu, Mohd. Shahihan Mohd. Tahar dan Fazlizan Ishak Khan, manakala tertuduh pula tidak diwakili peguam.

23/5/2023

SINAR
HARIANNEGERI
KELANTAN
TERENGGANU

26

Maritim Malaysia tahan tiga bot, 41 nelayan warga Vietnam



Rashidilhadi (berdiri, kiri) bertanya sesuatu kepada nelayan warga Vietnam yang ditahan Maritim Malaysia pada Jumaat.

KUALA TERENGGANU – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) negeri Terengganu menahan tiga bot nelayan asing Vietnam ketika rondaan Op Kuda Laut dan Op Naga Barat pada Jumaat.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, tiga bot itu ditahan pada kedudukan kira-kira 123 batu nautika dari Kuala Terengganu selepas dikejar kapal KM Redang selama 30 minit.

Menurutnya, bot nelayan warga Vietnam pertama dengan nombor pendaftaran asing ditahan sekitar jam 10 pagi ber-

sama 15 kru termasuk tekong manakala bot kedua ditahan 10 minit kemudian bersama 14 kru dan tekong.

"Bot ketiga dipercevai bot nelayan asing tanpa permit yang dinaiki 12 kru bersama tekong pula ditahan pada jam 10.30 pagi.

"Hasil pemeriksaan mendapati ketiga-tiga bot yang dikendalikan oleh 41 kru termasuk tekong Vietnam berusia antara 21 hingga 44 tahun itu tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri sah.

"Tekong juga gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran sah dan disyaki telah

melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di perairan negara," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Maritim Terengganu, di sini pada Isnin.

Rashidilhadi berkata, semua kru yang ditahan dibawa ke Jeti Pusat Tahanan Vesel Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah Akta Penkanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963.

Ujarnya, keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM4.5 juta melibatkan bot, peralatan menangkap ikan, bekalan diesel kira-kira 1,500 liter dan hasil tangkapan ikan campur seberat 100 kilogram.

28/5/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

34

41 nelayan Vietnam ditahan, tiga bot dirampas

KUALA TERENGGANU: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) membaras seramai 41 kru dan tekong warga Vietnam selepas menahan tiga bot nelayan asing itu di perairan negeri ini pada 19 Mei lalu.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander (M) Rashid dilhadi Ab. Rashid berkata, buah bot nelayan asing itu ditahan semasa kapal Maritim Malaysia melakukan rondaan bersepadu Op Kuda Laut dan Op Naga Barat kira-kira 123 batu nautika dari Kuala Terengganu.

Menurutnya, ketiga-tiga bot

terbabit ditahan ketika bergerak secara beriringan antara pukul 10 pagi hingga 10.30 pagi.

Katanya, bot tersebut berjaya dikesan ketika nelayan asing itu baru melabuhkan pukat untuk menangkap ikan.

"Hasil pemeriksaan mendapati ketiga-tiga bot berkenaan dikendalikan 41 kru termasuk tekong warga Vietnam berusia antara 21 hingga 44 tahun tanpa dokumen pengenalan diri yang sah.

"Tekong ketiga-tiga bot itu juga gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran yang sah dan memadamkan

nombor pendaftaran bot," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Rashidilhadi memberitahu, pihaknya juga merampas bot, peralatan menangkap ikan, bekalan diesel lebih kurang 1,500 liter dan hasil tangkapan kira-kira 100 kilogram yang bernilai keseluruhan RM4.5 juta.

"Ketiga-tiga bot dan nelayan terbabit dibawa ke Jeti Pusat Tahanan Vesel, Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut," ujarnya.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Akta Penikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.



RASHIDILHADI Abd Rashid (berdiri, kiri) memeriksa sebahagian hasil laut dalam bot nelayan Vietnam yang ditahan selepas menceroboh perairan negeri ini di Kuala Terengganu, semalam.



RASHIDILHADI (berdiri, kiri) memeriksa hasil laut dalam bot nelayan Vietnam yang ditahan selepas dipercayai mencuri ikan di perairan negara di Ibu Pejabat Maritim Terengganu, Kuala Terengganu semalam. – PUQTRA HAIRRY

Padam nombor bot, curi ikan di Malaysia

Oleh **MOHD. AZLI ADLAN**

KUALA TERENGGANU – Nelayan Vietnam dikesan memadamkan sebahagian nombor pendaftaran bot masing-masing bagi mengelirukan pihak berkuasa ketika mencuri perairan negara ini.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander (M) Rashidilhadhi Ab. Rashid berkata, tindakan nelayan asing terbabit adalah taktik baharu yang dikesan pihaknya.

"Sejak akhir-akhir ini, kita mengesan sebahagian nombor pendaftaran pada badan bot nelayan Vietnam yang ditahan telah dipadamkan dengan sengaja," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Maritim Terengganu di sini semalam.

Menurutnya, modus operandi itu dikesan selepas Maritim Malaysia (APMM) menahan tiga

buah bot nelayan Vietnam pada kedudukan 123 batu nautika dari perairan Kuala Terengganu pada Jumaat lalu.

Katanya, tiga buah bot yang dinaiki 41 nelayan berusia 21 hingga 44 tahun itu yang bergerak secara beriringan telah ditahan di antara pukul 10 pagi sehingga pukul 10.30 pagi.

"Sewaktu ditahan, kami percaya mereka baru selesai menarik pukut untuk menangkap ikan secara haram di perairan negara.

"Ketiga-tiga bot ini juga dipercayai baru memasuki perairan negara berdasarkan kedudukan mereka hanya 20 batu nautika dari sempadan perairan antarabangsa," katanya.

Rashidilhadhi berkata, siasatan awal percaya ketiga-tiga bot itu sebenarnya dalam perjalanan ke Kepulauan Natuna, Indonesia juga untuk menjarah hasil laut.

Katanya, 100 kilogram ikan

campur, 1,500 liter minyak diesel dan peralatan menangkap ikan bernilai keseluruhan RM4.5 juta telah disita daripada ketiga-tiga bot berkenaan.

"Kesemua 41 nelayan Vietnam itu gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri dan perijinan serta permit kerja yang sah.

"Ketiga-tiga bot juga tidak mempunyai kebenaran untuk menangkap ikan di perairan negara. Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigrasi 1963," katanya.

Beliau berkata, APMM telah menjalin kerjasama strategik bersama pihak berkuasa Vietnam dengan melaporkan setiap bot nelayan negara itu yang berjaya ditahan kerana menangkap ikan secara haram di perairan negara.

"Ia bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan turut diambil oleh pihak berkuasa negara jiran," ujarnya.

| | | | |
|------------|-----------------------------------|-------------|----------------------|
| Headline | Feel the thrill, catch the reward | | |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 23 May 2023 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 175,986 |
| Page No | 8 | Readership | 527,958 |
| Language | English | ArticleSize | 1035 cm ² |
| Journalist | ARNOLD LOH | AdValue | RM 52,088 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 156,264 |

Feel the thrill, catch the reward

There's nothing quite like casting a fishing rod and catching all kinds of tasty fish amid the beautiful backdrop of the deep blue sea.



One can expect to catch decent-sized siakap when fishing at sea beside floating fish farms.

Story and photos by ARNOLD LOH
arnold.loh@thestar.com.my

AN easy-peasy fishing trip at sea could be defined as:

> A spot less than 5km from the launch point that only takes about 20 minutes to go by boat, saving travel time and fuel cost;

> The spot has sheltered waters so calm that even a person prone to seasickness can enjoy fishing; and

> The spot has so much fish that even a greenhorn will catch almost one per cast. Such a spot can be found in South Seberang Prai, Penang.

Not only will nine out of 10 casts land you a fish, but you will also have a 50-50 chance of catching delightful species like threadfins (senangin), groupers (kerapu), barramundi (siakap) and golden snapper (jenahak).

It is located around the floating fish farms, which are visible on your left when you are driving on the second Penang bridge towards the island.

They are commonly called the Sungai Udang floating fish farms because their land base is the Sungai Udang jetty and nearly all the fish farmers live in nearby Kampung Sungai Udang.

Some knowledge of the area's geography will help you fish more efficiently here.

The zone covers about 2,000ha. It is sheltered from strong currents to the north by Pulau Aman and Pulau Gedong. In the south, the area is shielded by Perak's Tanjung Piandang.

The 150-odd fish farms float a few kilometres from the mouths of Sungai Kerian and Sungai Tengah. The farmers depend on the rivers' outflows – especially during storms up in the hills – to flush away all the fish waste that settle at the bottom of their fish cages.

According to the Fisheries Department, this zone is the largest producer of farmed saltwater fish in Peninsular Malaysia, yielding over 40,000 tonnes a year.

Most of the farmed siakap and golden pomfrets you buy in wet markets or supermarkets anywhere in the peninsula are grown here.

Freighters from Hong Kong sail here to collect live groupers.

The water is shallow – three to five metres – so you can leave your deep sea multiplier reels and 60lb braided line at home and go with a medium action rod with a 10-30lb line.

Using an ultra-light tackle is not a good idea though because below the surface are many thick ropes running from the farms to anchors on the seabed, necessary to

“According to the Fisheries Department, this zone is the largest producer of farmed saltwater fish in Peninsular Malaysia, yielding over 40,000 tonnes a year.”

keep the farms from drifting away.

If you go ultra-light and let the fish fight the reel's drag to tire it out, there is a good chance that your line will rub against the ropes and snap because of the abrasion.

Due to the number of fish being farmed, plus the daily feeding, the zone is a beacon for wild fish.

Anglers have been known to catch siakap or senangin weighing 3kg and even larger, but don't hold your breath for them because they are quite rare.

You can, however, expect to catch a delightful variety of saltwater fish of about 1kg.

There is one problem: swimming below are thousands upon thousands of catfish (ikan duri).

Drop your bait and you will get a bite within 15 seconds, but it will be a catfish.

Their bodies have so much slime and during the fight, they like to rub against the line and leave behind thick, gooey slime all along the business end of your line.

Catfish are not avoidable here, so have a wet rag on standby to clean your line before you re-cast.

A long-handled hook remover will help you unhook the catfish over the water without needing to bring it onto the boat.

One good way to avoid catfish hitting is to fish directly below the boat and raise your baited hook about 50-60cm from the seabed the instant your sinker lands at the bottom.

All catfish hug the seabed in search of food, while your target fish may be more comfortably patrolling a couple of feet above the seabed.

Some anglers believe in casting the bait



A decent-sized siakap (above) and a threadfin (left) are among the types of fish that can be caught beside a floating fish farm.

as close as possible to the edge of a floating fish farm and using a small sinker so that the current carries the bait down to the bottom of the fish cage.

It is true that king-sized groupers sometimes take up residence under the fish farms, but the dreaded catfish are there too.

If you want to try this, offer a large chunk of bait on a larger hook, maybe the whole head and belly of a kembong (indian mackerel). Hopefully, before the nibbling catfish can finish the bait, the lazy grouper will deign it worth its while to swim over and suck up your offering.

For the terminal rig, a simple running

sinker rig will do with a 50cm monofilament leader. Or you can get even lazier and simply tie on a two-hook sabiki rig.

And here is the final piece of bad news: in a zone where 40,000 tonnes of fish are grown annually, there will be organic pollution and fish ailments.

The fish you catch may suffer from sea lice and fungal infections that cause fin rot.

The good news is that none of these ailments affect humans, so after cleaning your fish and cutting away the unsightly fin rot, you will have the chance to enjoy freshly caught fish.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|----------|------------|
| 23/5/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 20 |

Agrobank perkenal program takaful kepada petani

SHAH ALAM - Agrobank mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan program takaful pertama kepada komuniti petani sebagai usaha berterusan untuk menangani isu keselamatan makanan di negara ini.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Datuk Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program itu menyediakan perlindungan asas kepada petani daripada kerugian terutama jika ditimpa bencana alam.

“Kami juga menumpukan kepada pembinaan kapasiti dalam sektor pertanian.

“Ini termasuk melabur dalam program pendidikan latihan membangunkan kemahiran dan pengetahuan petani dengan mempromosikan penggunaan

teknologi moden mampu milik sebagai amalan terbaik,” ujarnya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau yang juga Naib Pengerusi Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Nasional di Negara Anggota Bank Pembangunan Islam (ADFIMI) berkata, walaupun terdapat pelbagai usaha bagi menyelesaikan isu keselamatan makanan, namun sektor pertanian perlu beralih kepada pertanian lestari.

“ADFIMI harus memanfaatkan kepakaran dan pengetahuan kolektif dalam melaksanakan lebih banyak dasar, perbincangan dan kerjasama strategik untuk menggalakkan penggunaan amalan lestari dalam sektor pertanian,” jelasnya.



Tengku Ahmad Badli Shah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan ADFIMI kali ke-76.